



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

CALON MCA Seremban, Puan Rosie Teh, diperkenalkan oleh Pemangku Kebangsaan MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, kepada Pemimpin Barisan Nasional Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim

PILIHANRAYA KECIL SEREMBAN

MCA bentuk badan elak selewengan

KUALA LUMPUR, Selasa — Jawatankuasa penasihat undang-undang terdiri daripada lima orang kuat MCA telah ditubuhkan untuk menasihati dan menyasat penyelewengan yang mungkin berlaku di pilihanraya kecil kawasan Seremban yang akan diadakan tidak lama lagi, kata Pemangku Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan.

Tambahnya, lima ahli MCA yang dipilih untuk jawatankuasa itu ialah, Datuk Wang Seng Chew, Encik M. L. Wong, Encik Ng Choon Kiat, Encik C.F. Liow dan Encik Micheal Wong.

Perjalanan sepanjang pilihanraya dan kempen, kata Datuk Dr Neo, akan disiasat oleh jawatankuasa itu bagi mengelakkan kejadian fitnah-memfitnah atau caci-mencaci.

Bercakap kepada pemberita di sidang akhbar selepas mesyuarat Jawatankuasa Pilihanraya di Ibu Pejabat MCA di sini petang ini, beliau berkata, persiapan untuk menghadapi pilihanraya kecil di kawasan Seremban telah siap diatur.

Tambahnya, calon yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pusat dan Pergerakan Wanita MCA, Puan Rosie Teh Lee Beng, 39, hari ini mendapat sokongan

dari pemimpin dan ahli-ahli Barisan Nasional.

Keputusan menamakan Puan Rosie, ahli Majlis Perbandaran Seremban, kata beliau, juga adalah keputusan dan sokongan penduduk Seremban.

"Pencalonan itu bukan sahaja terbit dari Jawatankuasa Pusat dan Pergerakan Wanita MCA, tetapi juga pilihan orang ramai," jelas Datuk Dr Neo.

Tegasnya, keputusan menamakan calon untuk merebut peluang dalam pilihanraya itu menunjukkan MCA membuka peluang kepada pemimpin-pemimpin muda wanita untuk tampil ke hadapan.

Peluang, katanya, hendaklah diberikan kepada semua pemimpin muda khususnya wanita Cina untuk menentukan pembangunan politik di negara ini.

Sementara itu, Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Chong Hon Nyan, dalam kenyataannya pula berkata, pilihanraya kecil Seremban tidak boleh disifatkan sebagai kemenangan peribadi.

Tambahnya, MCA percaya seseorang pemimpin politik akan datang dan pergi bagi membolehkan pemimpin muda untuk mengambil alih.

"Masyarakat berubah. Negara berubah. Pemimpin politik juga harus berubah dan meletakkan jawatan secara sukarela untuk perubahan yang lebih baik dan menguntungkan," jelas beliau.